

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Subjek	Geografi	Hari	Isnin
Tingkatan	Tingkatan 4	Tarikh	7 / 9 / 2020
Bilangan Murid	15 orang murid	Jangka Masa	10:00 pagi - 11:00 pagi
Standard Kandungan	3.3 Migrasi Penduduk		
Standard pembelajaran	3.3.3	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.	
Objektif Pembelajaran:			
Pada akhir pembelajaran, murid dapat;			
1.	Membezakan faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan faktor yang mempengaruhi migrasi antarabangsa melalui aktiviti penulisan faktor tersebut pada papan putih.		
2.	Menjelaskan 5 faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan 5 faktor yang mempengaruhi migrasi antarabangsa melalui aktiviti berkumpulan.		
EMK	Bahasa, kreativiti dan inovasi, sains dan teknologi.		
BBB	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peta Malaysia digunakan untuk menunjukkan migrasi dalaman. 2. Peta Dunia digunakan untuk menunjukkan migrasi antarabangsa. 3. Slide Power Point digunakan untuk menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa. 4. Video yang menunjukkan seseorang yang hidup di luar bandar telah berpindah ke bandar dan seterusnya ke luar negara. 5. Kertas mahjong diedarkan kepada murid untuk melakukan aktiviti berkumpulan 		
Pengetahuan Sedia Ada	Murid sudah mengetahui konsep migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa serta mampu membezakannya kerana telah dipelajari dalam P&P yang lepas.		

Langkah	Isi Pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Set Induksi (5 minit)		<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menayangkan video yang menunjukkan seseorang yang hidup di luar bandar telah berpindah ke bandar dan seterusnya ke luar negara. 2. Guru meminta murid menekan apa yang ingin ditunjukkan oleh video. 3. Guru menerang topik yang akan dipelajari pada 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid memberi tumpuan dan fokus ketika guru menayangkan video. 2. Murid menekan apa yang ingin ditunjukkan oleh video. 3. Murid dapat membuat andaian untuk pembelajaran 	BBB: Video yang menunjukkan seseorang yang hidup di luar bandar telah berpindah ke bandar dan seterusnya ke luar negara.

		hari tersebut.	pada hari tersebut.	Nilai: Berani menjawab, kerjasama dan patuh arahan guru.
Langkah 1 (20 Minit)	Faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.	<p>1. Guru melekatkan peta Malaysia dan Peta Dunia pada papan putih dan menanya beberapa soalan untuk memastikan murid tahu membezakan migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa kerana ia telah dipelajari pada P&P yang lepas.</p> <p>2. Guru meminta murid untuk memerhati peta dunia pada papan putih dan menanya murid tentang negara yang akan mereka pindah jika mereka mempunyai peluang untuk berpindah ke luar negara dan sebab mereka memilih negara tersebut.</p> <p>3. Guru menerang kandungan yang ingin diajar dengan menggunakan slaid Power Point dan meminta murid menanya soalan jika mempunyai persoalan.</p> <p>4. Guru meminta beberapa orang murid untuk menulis faktor migrasi dalaman dan faktor migrasi luaran pada papan putih untuk memastikan murid mampu membezakan faktor yang</p>	<p>1. Murid menjawab soalan yang ditanya oleh guru.</p> <p>2. Murid menumpu perhatian semasa guru memberi penerangan dan mencatat isi-isi penting.</p> <p>3. Murid digalakkan menanya soalan jika mempunyai persoalan semasa guru memberi penerangan.</p> <p>4. Beberapa orang murid diminta untuk menulis faktor migrasi dalaman dan faktor migrasi luaran pada papan putih.</p>	<p>BBB: Peta Malaysia dan peta Dunia, Power Point yang memaparkan kandungan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.</p> <p>Nilai: Berani menjawab, kemahiran berfikir dan patuh kepada arahan guru.</p>

		mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.		
Langkah 2 (20 minit)	Sesi pengajaran dan pembelajaran diteruskan dengan murid-murid melakukan aktiviti berkumpulan	<p>1. Guru akan menjalankan aktiviti forum secara berkumpulan dalam bilik darjah. Terdapat 3 orang murid dalam setiap 5 kumpulan tersebut.</p> <p>2. Guru akan memberi arahan kepada murid perkara yang perlu dilakukan. 5 minit untuk melakukan perbincangan dalam kumpulan dan 15 minit lagi untuk mengadakan aktiviti forum.</p> <p>3. Forum yang perlu dilakukan adalah untuk menjelaskan faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.</p> <p>4. Guru akan mengemukakan persoalan jika terdapat murid tidak faham perkara yang perlu dibuat.</p> <p>5. Setelah aktiviti forum dijalankan, guru akan memperbetulkan kesilapan yang dilakukan oleh murid sepanjang aktiviti forum.</p>	<p>1. Murid mendengar arahan dengan teliti yang diberikan oleh guru dalam bilik darjah.</p> <p>2. Murid akan bergerak untuk mencari pasangan masing-masing untuk melakukan aktiviti perbincangan dan forum.</p> <p>3. Murid akan menanyakan soalan kepada guru apabila menghadapi masalah semasa perbincangan dijalankan.</p> <p>4. Setelah perbincangan dilakukan, murid akan menjalankan aktiviti forum mengikut kumpulan masing-masing.</p> <p>5. Murid akan mencatatkan nota-nota penting setelah kesilapan dilakukan dalam aktiviti forum.</p>	<p>BBB: Kertas mahjong dan marker pen</p> <p>Nilai: Bekerjasama, toleransi, kesabaran</p>
Langkah 3 (10 minit)		1. Guru akan mengedarkan lembaran kerja tentang tajuk yang	1. Murid akan menerima dan membuat lembaran	BBB: Lembaran kerja

		<p>sudah diajar pada hari tersebut.</p> <p>2. Guru akan memberi masa kepada murid selama 5 minit untuk menjawab soalan.</p> <p>3. Selepas 5 minit, guru akan membincang soalan yang telah dijawab oleh murid.</p>	<p>kerja yang diedarkan oleh guru.</p> <p>2. Murid akan memberi tumpuan sepenuhnya ketika guru membincang tentang lembaran kerja.</p>	<p>Nilai: Menepati masa, berdisiplin, menghormati guru</p>
<p>Penutup (5 minit)</p>	<p>Rumusan hasil pembelajaran pada hari ini</p>	<p>1. Guru akan bertanya kepada murid mengenai tajuk yang telah dipelajari pada hari tersebut.</p> <p>2. Guru akan menyuruh seorang murid untuk merumuskan semula mengenai pembelajaran pada hari tersebut.</p> <p>3. Guru akan membuat rumusan secara menyeluruh mengenai topik yang dipelajari.</p> <p>4. Guru meminta murid menjawab latihan dalam buku latihan dan menghantar pada keesokan harinya.</p> <p>5. Guru akan memberitahu kepada murid tentang topik baru yang bakal dipelajari pada PdP yang</p>	<p>1. Murid membuat rumusan mengenai hasil pembelajaran.</p> <p>2. Murid mendengar dengan teliti rumusan yang dilakukan oleh guru</p> <p>3. Murid menerima kerja rumah yang diberi oleh guru dan menghantar pada keesokan harinya.</p> <p>4. Murid akan mencari bahan-bahan dan maklumat mengenai tajuk yang akan dipelajari pada PdP yang seterusnya.</p>	<p>Nilai: Keberanian untuk membuat rumusan, menghormati guru, menepati masa, bertanggungjawab</p>

		seterusnya.		
Refleksi/ Catatan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua murid dapat menguasai kandungan PdP pada hari ini, iaitu faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan faktor yang mempengaruhi migrasi antarabangsa serta membezakan faktor mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa. Oleh itu, objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada hari ini dicapai. • Kerjasama antara murid boleh dilihat semasa guru memberi penerangan dan membuat aktiviti berkumpulan. 			